

This document is downloaded from DR-NTU, Nanyang Technological University Library, Singapore.

Title	AMIC-UNESCO-MPI Workshop on Women and Newspaper Management : Kuala Lumpur, Oct 26-Nov 7, 1987 : [welcome address]
Author(s)	Samani Mohd Amin
Citation	
Date	1987
URL	<a href="http://hdl.handle.net/10220/822">http://hdl.handle.net/10220/822</a>
Rights	

**Welcome Address**

**By**

**Samani Mohd Amin**

UCAPAN NAIB PENERUSI I.A.M.  
ENCIK SAMANI MOHD. AMIN DALAM PERESMIAN  
BENGKEL "WANITA DAN PENGURUSAN AKHBAR" DI KUALA LUMPUR  
PADA 26HB. OKTOBER, 1987

---

Y.B. Encik Railey Hj. Jeffrey, Timbalan Menteri Penerangan,

Encik S.M. Ali, Penasihat Komunikasi Kawasan  
Timur dan Asia Tenggara, UNESCO,

Encik V.J. Menon, Setiausaha Agung Asian Mass  
Communication Information and Research Centre (AMIC),

Dato dan Datin, tuan-tuan dan puan-puan serta  
para peserta sekalian.

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh dan selamat  
bahagia kepada semua hadirin. Saya mengucapkan  
terimakasih kepada para hadirin sekalian kerana menghadiri  
majlis perasmian Women and Newspaper Management Workshop  
ini. Untuk makluman para hadirin sekalian Bengkel ini  
diadakan di peringkat serantau untuk memberi peluang  
kepada wakil-wakil akhbar yang diterbitkan, terutama sekali  
di Asian Tenggara, untuk menyertainya. Dalam Bengkel ini  
turut serta wakil-wakil akhbar dari Negeri Thai, Republik  
Rakyat China, India, Sri Lanka dan Filipina dan Vietnam,  
Pakistan, Bangladesh dan Indonesia selain wakil dari  
Malaysia seramai lima orang wartawan. Inilah kali pertama  
Bengkel seperti ini, khusus untuk wanita dan mengenai  
persuratkhabaran, dianjurkan untuk memberi faedah para  
wartawan wanita dan yang mengendalikan ruangan dan halaman  
wanita sejak beberapa tahun ini.

Bengkel ini anjuran UNESCO dan dikelolakan bersama oleh  
Institut Akhbar Malaysia dengan Asian Mass Communication  
Information and Research Centre atau AMIC yang berpusat

- 2 -

di Singapura. Penglibatan Institut Akhbar Malaysia dalam usaha ini adalah sesuai dengan dasar dan tujuannya iaitu memberi kemudahan latihan dalam perkhidmatan (in service training) kepada para wartawan yang sedang bertugas dalam media-massa cetak (print media) demi meningkatkan lagi taraf kemahiran atau professionalisma mereka dalam menjalankan tugas. Institut Akhbar Malaysia sangat berterimakasih kepada UNESCO dan juga AMIC kerana sudi mengadakan kursus bercorak Bengkel ini di Malaysia dan ini merupakan satu penghargaan kepada para wartawan khususnya dan setiap rakyat Malaysia amnya kerana Kuala Lumpur terpilih menjadi tempat kursus serantau ini.

Penglibatan wanita dalam persuratkhabaran bukanlah perkara baru. Tiap-tiap akhbar yang diterbitkan sejak dulu lagi ada halaman khas untuk wanita yang dikelolakan sendiri oleh wartawan wanita. Perbezaannya di antara dulu dengan sekarang ialah mungkin pada peratusan penglibatan wanita dalam persuratkhabaran. Jika sebelum perang dahulu kita jarang-jarang melihat kaum wanita di Malaysia bertugas sebagai pemberita ataupun jurugambar, tetapi sekarang, kedua-dua lapangan ini sudah ramai diceburi kaum wanita bersama kaum lelaki menjalankan tugas-tugas itu. Dalam sidang-sidang akhbar atau seminar mengenai wartawan, kita kerap melihat ramai kaum wanita turut serta dan ini adalah suatu perkembangan yang sangat menggalakkan bagi Malaysia sama seperti yang terdapat di negara-negara lain.

Bengkel ini diadakan ialah untuk memberi peluang yang lebih luas kepada wartawan wanita mendalami lagi pengetahuan mereka di bidang pengurusan suratkhbar dengan meninjau perkara-perkara yang dikemukakan oleh para pensyarah-pensyarah tertentu yang dipilih dari wartawan-wartawan

....3/-

- 3 -

yang memang ahli dan pakar dalam bidang masing-masing. Tentu kita sama berharap semoga interaksi yang giat di antara para peserta dengan para penceramah ini nanti akan menjadikan Bengkel Women & Newspaper Management ini menarik dan menghasilkan kejayaan yang diharapkan.

Tidak lupa diucapkan ribuan terimakasih kepada Yang Berhormat Encik Railey Hj. Jeffrey atas kehadirannya di Majlis ini bagi pihak Menteri Penerangan untuk menyampaikan pesanan atau mesej kepada para peserta dan seterusnya meresmikan Bengkel ini. Kepada para peserta Bengkel dan penceramah, terutama yang datang luar negeri, saya mengucapkan selamat datang, mudah-mudahan Bengkel selama kira-kira dua minggu ini akan memberi faedah kepada para wartawan sekalian. Saya harap peserta-peserta dari luar negeri akan merasa selesa dan senang dengan lawatan semasa berada di Kuala Lumpur sambil menghasilkan faedah bersama akan dapat pula merapatkan lagi tali persahabatan dengan penduduk negara ini.

Sekian dan terimakasih.